

Prompter disediakan

TEKS UCAPAN:

YANG AMAT BERHORMAT

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI &

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN
KONVENSYEN PEGAWAI LAPANGAN RISDA
TAHUN 2025

PADA:

23 JANUARI 2025 (KHAMIS)

12.00 TENGAH HARI

LOKASI:

HOTEL TENERA,
BANGI, SELANGOR

Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani,

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

MUKADIMAH

1. Era di mana "*Kerajaan tahu segalanya*" telah berlalu. Hari ini, sebuah Kerajaan yang baik kita mesti mendengar, menyantuni, dan memahami denyut nadi rakyat.

2. Kita tidak boleh hanya merancang dari pejabat yang selesa – tetapi kita perlu turun ke lapangan, berinteraksi dengan masyarakat, dan memastikan setiap dasar yang dirangka benar-benar membawa perubahan yang bermakna buat mereka.

3. Sebab itulah pada hemah saya, saudara-saudari sekalian adalah barisan hadapan RISDA! Anda semua bukan sekadar penjawat awam, tetapi wira pembangunan desa. Anda adalah mata yang melihat realiti di lapangan, telinga yang mendengar rintihan, dan suara yang membawa harapan.

4. Tugas anda bukan hanya menyampaikan bantuan, tetapi menyentuh kehidupan lebih 500,000 pekebun kecil getah di seluruh negara. Oleh itu, peranan anda amat besar – menjadi penggerak perubahan, pemacu kemajuan, dan benteng kekuatan bagi pekebun kecil di seluruh negara!

Revolusi Getah: Mengangkat Pekebun Kecil ke Era Baharu

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Apabila kita berbicara tentang pembangunan ekonomi luar bandar - sektor komoditi getah adalah tulang belakang daya tahan ekonomi negara. Sehingga hari ini, lebih 500,000 pekebun kecil telah menjadi wira industri ini - menyumbang 89% daripada keseluruhan pengeluaran getah negara, jauh mengatasi sektor estet yang hanya menyumbang 11%.

6. Data terkini menunjukkan keluasan kebun getah negara kini mencecah 800,000 hektar. Namun, purata keluasan kebun setiap pekebun hanyalah sekitar 1.5 hektar - satu cabaran besar bagi memastikan daya saing dan kelangsungan industri ini.

7. Lebih membimbangkan, kesan susut harga getah semakin menekan kehidupan pekebun kecil. Pada November 2024,

harga purata lateks pula menurun 8.4%, manakala harga skrap menyusut 1.3%. Setiap sen yang hilang pastinya memberi impak besar kepada pendapatan mereka!

8. Cabaran semakin mencabar apabila purata umur pekebun kecil kini mencecah 61 tahun. Penglibatan anak muda menjadi semakin penting dan jika ini tidak dilakukan siapa yang akan meneruskan legasi industri getah dalam 10 atau 20 tahun akan datang?

9. Inilah realiti yang tidak boleh kita pandang enteng. Pekebun kecil tidak boleh dibiarkan berjuang sendirian. Kita memerlukan tindakan drastik, menyeluruh, dan berkesan untuk memperkasakan komuniti ini.

10. Kita mesti membangunkan strategi yang mampan, progresif, dan inklusif - bukan sekadar penyelesaian jangka pendek, tetapi pelan tindakan yang benar-benar memberi impak kepada kelangsungan hidup mereka.

11. Kita perlu berani keluar dari cara lama, Sektor getah mesti menjadi lebih menarik kepada generasi muda dengan teknologi moden seperti AI, automasi, dan inovasi ladang.

12. Bayangkan ladang getah yang menggunakan IoT, *drone* untuk meningkatkan produktiviti, dan e-dagang yang menghubungkan pekebun kecil terus ke pasaran global - ini bukan sekadar perubahan - ini adalah revolusi industri getah yang kita semua dambakan.

13. Saya yakin dengan semangat, dedikasi, dan komitmen anda semua, kita bukan sahaja mampu mengatasi cabaran yang ada, tetapi juga membawa industri getah Malaysia ke tahap yang lebih tinggi!

STRATEGIK & TRANSFORMATIF: MEMACU KEMAJUAN PEKEBUN KECIL

Hadirin sekalian,

14. Kita tidak boleh sekadar bekerja dalam zon selesa. Saya mahu pemikiran strategik menjadi budaya juga di RISDA. Saya mahu pemikiran strategik ini menjadi pemangkin idea besar dan transformasi desa. Kita tidak boleh selesa dengan *business as usual* – tetapi membentuk strategi yang lebih bersasar, berimpak dan inklusif.

15. Dalam aspek ini saya gariskan tigas kluster utama RISDA mesti diperkasakan:

i. Pertama dalam **Kluster Modal Insan** - Kita memiliki 2.7 juta komuniti pekebun kecil – yang bukan sekadar pewaris tanah, tetapi pewaris industri. Mereka perlu digilap melalui latihan kemahiran, pengurusan moden, TVET, dan pendidikan ekonomi untuk mencipta generasi pekebun kecil yang berwawasan dan berdasya saing.

ii. Kedua **Kluster Ekonomi** – di mana RISDA Holdings telah mencatat keuntungan RM70 juta tahun lalu, tetapi saya mahu kita melipatgandakan keupayaan perniagaan syarikat, mencari peluang baharu, dan menembusi pasaran yang lebih luas.

iii. Ketiga usaha melahirkan lebih ramai usahawan pekebun kecil dalam **Kluster Usahawan** terus diperkukuh. Saya mahu RISDA memperhebat program bimbingan dan memperluas akses pembiayaan bagi memastikan mereka lebih berdaya saing.

16. Kita mesti terus bergerak sebagai satu pasukan. RISDA, KKDW, dan seluruh pegawai lapangan di hadapan saya ini perlu bekerja secara bersepadu - memastikan setiap inisiatif benar-benar bermanfaat kepada pekebun kecil.

TRANFORMASI RISDA DAN KEMAMPANAN PEMBANGUNAN KOMUNITI PEKEBUN KECIL

Hadirin sekalian,

17. Jika kita ingin menjadi yang terbaik, kita tidak boleh terperangkap dalam kebiasaan. Rakyat sentiasa menilai keberkesanan perkhidmatan Kerajaan, lebih-lebih lagi dengan kepesatan media sosial yang tiada sempadan.

18. Jadi dalam era digitalisasi, perubahan radikal bukan pilihan, tetapi keperluan. Kita mesti mengadaptasi teknologi untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan daya responsif terhadap penyampaian perkhidmatan.

19. Atas dasar ini, saya telah mengarahkan KKDW, agensi, dan LKW untuk memperkukuhkan *dashboard, bank data, dan digital mapping*. Dengan ini, setiap projek pembangunan boleh dinilai secara *real-time*, memastikan setiap keputusan berdasarkan data yang tepat.

20. Saya dimaklumkan bahawa RISDA telah mengambil langkah awal dengan menubuhkan RISDA Command Center (RCC) - pusat pemantauan bersepadu yang membolehkan pelaporan pembangunan dijalankan secara langsung di seluruh negara. *That's a good start!*

21. Saya yakin inisiatif ini akan menjadi *game changer*, memastikan bantuan sampai dengan lebih cepat, sistematik, dan berkesan. Kita tidak boleh lagi bergantung kepada sistem lama - kita mesti terus maju dan mencari ruang untuk menjadi lebih baik.

22. Masa depan ini juga menuntut RISDA untuk melangkah lebih jauh. Kita perlu memperkasakan tenaga kerja dalam AI, pendigitalan, dan tenaga boleh diperbaharui. Bayangkan jika RISDA memiliki pakar AI dan analitik data sendiri - ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada tenaga luar, tetapi juga mampu memangkin inovasi dalam sektor getah.

23. Percayalah, kita berada di ambang perubahan besar. Jika kita tidak bertindak dengan pantas dan berani, kita akan terus ketinggalan. Dahulu, Malaysia pernah menjadi pengeluar getah nombor satu dunia, menyumbang 50% bekalan getah dunia, Hari ini, kita jauh ditinggalkan, dengan negara jiran kini menghasilkan 1/3 daripada pengeluaran global.

24. Tetapi ini bukan titik noktah - ini hanya rintangan dalam perjalanan kita! InsyaAllah dengan kepimpinan yang berani dan kesungguhan kita semua, saya yakin kita mampu mengembalikan kegemilangan industri getah negara.

HARAPAN DAN PENUTUP

Hadirin sekalian,

25. Saya berharap segala yang dibincangkan hari ini tidak hanya berakhir di sini, tetapi dapat diterjemahkan menjadi tindakan di lapangan. Di mana jua anda berada, apa jua peranan anda, ingatlah - anda adalah pemacu kejayaan RISDA seperti yang slogan yang selalu disebut - **'RISDA Di Mana-Mana'**. Mudah-mudahan usaha ini diberkati yang Maha Esa.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Perasmian Konvensyen Pegawai Lapangan RISDA Tahun 2025.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima Kasih.